

BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

DAKWAH ISLAM KEPADA
MASYARAKAT TERASING DI RIAU:
KAJIAN KES SUKU TALANG MAMAK

JAMALUDDIN ALI RUBAIN
Nombor Pendaftaran IGB 97002

LATIHAN ILMIAHINI DITERIMA OLEH
JABATANDAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IJAZAH SARJANA USULUDDIN
SESI 2000/2001

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573874


Tanda Tangan Penyelia
USTAZ SYED ABDURRAHMAN SYED HUSIN

22 - Jun - 2001

Tarikh

ABSTRAK

Usaha untuk menyebarluaskan ajaran Islam, begitu pula untuk merialisasikan ajarannya kepada umat manusia adalah merupakan usaha dakwah, yang dalam keadaan bagaimanapun dan dimanapun harus dilaksanakan oleh umat Islam. Sebagai agama dakwah, Islam tidak cukup hanya dengan kelengkapan konsep sahaja, melainkan perlu adanya suatu usaha yang sungguh-sungguh untuk menyebarkan dan menyuburkannya.

Dakwah dapat diertikan sebagai sesuatu kegiatan ajakan, baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan terencana dalam usaha mempengaruhi orang lain, supaya timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran dan sikap penghayatan terhadap ajaran Islam, sebagai mesej yang disampaikan kepadanya tanpa ada unsur paksaan.¹

Dengan demikian, dakwah Islam pada hakikatnya adalah merupakan suatu kegiatan yang dilakukan secara sedar, yang bertujuan mengajak orang lain untuk membuat yang baik dan melarang daripada membuat yang munkar sesuai dengan ajaran Islam. sekaligus merupakan suatu kewajipan bagi umat Islam.

¹ Kazim Muhammad al-Naqib, (1968/1388). *al-Da'wah wa al-'Aqabat al-Najif*. Matba'ah al-Nukman, Cetakan 1, hlm. 29 + 30. Selanjutnya sila rujuk dalam M. Arifin, (Prof). (1993). *Psikologi Dakwah Suatu Pengantar*, Jakarta, Bumi Aksara, Cetakan kedua, hlm. 17

Tujuan dakwah Islam adalah wujudnya kebahagiaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat yang diredaya Allah.² Untuk mencapai tujuan dakwah tersebut, bukanlah suatu pekerjaan yang mudah, tetapi memerlukan usaha yang serius serta sangat bergantung kepada materi dakwah, pendakwah (*da'i*), sasaran dakwah, metod dakwah, logistik dakwah dan media dakwah.³

Usaha dakwah Islam, terutama dimasa hadapan akan semakin sukar dan mencabar. Hal ini disebabkan kerana masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah Islam dari masa ke semasa semakin berkembang dan kompleks. Menyedari pentingnya dakwah sebagai usaha untuk membimbing umat manusia ke arah tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, maka di Riau,⁴ ketika ini terdapat beberapa tempat

² Ghazali Darussalam, (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiyah*, Kuala Lumpur, Utusan Publications and Distributors, Cetakan pertama, hlm. 5. Hal yang sama juga dapat dirujuk dalam 'Abd. Rosyad Saleh, *Op.Cit*, hlm. 21

³ Syeikh 'Ali bin Salih al-Mursyid, (1989), *Mustalzimat al-Da'wah fi al-'Asr al-Hadir*, Kaherah, Maktabah Layyinah, tc, hlm. 28. Juga rujuk dalam Abu al-Majd al-Sayyid Nawfal, (Dr), (1977), *al-Da'wah ila Allah Khasaisuha Muqawwamatuhu Manahijuha*, Kaherah, Matba'ah al-Hadarah al-'Arabiyyah, tc, hlm. 18. Kemudian dalam Muhammad Abu al-Fath al-Bayanuni, (It), *al-Madkhal ila 'ilm al-Da'wah*, Beirut, Mu'assasah al-Risalah, tc, hlm. 152.

⁴ Riau adalah bahagian dari wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI) yang dijadikan provinsi (negeri) dengan Undang-Undang Darurat Nombor 19 Tahun 1957, yang kemudian ditetapkan dengan Undang-Undang Nombor 61 Tahun 1958. Setakat ini kawasan negeri Riau mencakupi kabupaten (daerah) Indragiri Hulu, Indragiri Hilir, Kampar, Bengkalis, Kepulauan Riau, Kuantan Singingi, Pelalawan, Rokan Hilir, Rokan Hulu, Natuna, Kanmun, Dumai dan Batam serta Pekanbaru. Riau berbatasan langsung dengan negara jiran Malaysia dan Singapura. Riau memiliki kawasan seluas 329.867,8 Km². Sebahagian besar merupakan wilayah perairan, iaitu 235.306 Km², sedangkan daratan seluas 94.561,6 Km². Di wilayah perairan terdapat 3.214 buah pulau, baru 743 pulau yang sudah mempunyai nama dan diidami oleh manusia. Untuk lebih jelasnya sila rujuk dalam Pemerintah Provinsi Riau, (2000), *Wajah Riau 2000*, Pekanbaru, Biro Hubungan Masyarakat Pemerintah Provinsi Riau, hlm. 1

kegiatan dakwah yang diselenggarakan oleh para pendakwah. Kegiatan dakwah ini dilaksanakan dengan mengambil tempat di pelbagai masjid, surau, pejabat pemerintah dan swasta, lapangan terbuka atau di rumah-rumah penduduk.

Satu hal yang menarik tentang dakwah Islam di Riau, iaitu dakwah Islam yang ditujukan kepada masyarakat pedalaman, yang penduduknya masih mempertahankan cara hidup asli dan belum banyak dipengaruhi oleh kehidupan moden. Penduduk ini oleh pemerintah tempatan disebut dengan masyarakat terasing suku Talang Mamak.

Masyarakat terasing suku Talang Mamak ini, kerana kawasan pemukimannya yang jauh dan tersisih, mengalami hubungan komunikasi dan transport yang sangat terhad dengan masyarakat lain, begitu juga layanan dari pemerintah tempatan. Sehingga mengakibatkan mereka menjadi terbelakang dalam segala aspek kehidupan, baik dibidang ideologi, politik, ekonomi, sosial budaya, perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi, termasuk di dalamnya kehidupan beragama.

Dengan demikian, masyarakat terasing suku Talang Mamak ini tergolong ke dalam kelompok masyarakat yang masih terikat dengan kebudayaan tradisi, dimana mereka mempunyai sikap hidup yang bersifat statik dan terbelakang, rendah tahap perkembangannya, terhad hubungan

komunikasi dan transport dengan masyarakat luar serta belum terdapat pembahagian kerja diantara mereka secara jelas.

Dakwah Islam pada masyarakat terasing suku Talang Mamak ini telah wujud sejak lama, yang dilakukan oleh para pendakwah, baik yang datang berdakwah atas kemauhan sendiri maupun kerana dikirim oleh institusi dakwah Islam tertentu. Jabatan Agama Provinsi Riau, dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah pula memberikan sokongan yang cukup besar, iaitu dengan mengirimkan para pendakwah muda yang berkemampuan ke kawasan-kawasan pemukiman masyarakat terasing suku Talang Mamak untuk menyampaikan dakwah Islam.

Walaupun dakwah Islam sudah sampai kepada masyarakat terasing suku Talang Mamak ini, akan tetapi kenyataannya pada ketika ini masih banyak diantara mereka yang mengamalkan faham animisme⁵ dan dinamisme.⁶ Sedangkan bagi yang sudah memeluk agama Islam, mereka belum melaksanakan ajaran Islam secara sungguh-sungguh, bahkan ada diantara mereka yang sudah berpindah kepada agama lain.

⁵ Animisme adalah faham yang mengajarkan bahawa tiap-tiap benda, baik yang bermaya maupun tidak, mempunyai roh. Untuk lebih jelas sila rujuk kepada Harun Nasution, (Prof), (1985), *Islam Ditinjau Dari Berbagai Aspeknya*, Jakarta, UI-Press, Cetakan kelima, hlm. 13 Hal yang sama juga dibincang dalam Muslim Ibrahim (Dr), (1990), *Pendidikan Agama Islam Untuk Mahasiswa*, Jakarta, Erlangga, hlm. 1

⁶ Dinamisme adalah faham yang mengajarkan bahawa benda-benda tertentu mempunyai kekuatan gaib yang misteri dan berpengaruh pada kehidupan umat manusia sehari-hari. Harun Nasution, *Ibid*, hlm. 11 Juga Muslim Ibrahim, *Ibid*, hlm. 1

PENGHARGAAN

Puji syukur kepada Allah swt dan salawat kepada Nabi Muhammad saw. Alhamdulillah, dengan pertolongan dan seizin-Nya jualah penulis telah dapat menyiapkan kajian ilmiah yang bertajuk *Dakwah Islam Kepada Masyarakat Terasing di Riau: Kajian Kes Suku Talang Mamak.*

Selama menyelesaikan kajian ini, penulis telah banyak menerima bimbingan dan sokongan dari pelbagai pihak. Untuk itu dalam kesempatan ini, penulis ingin menyampaikan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada mana-mana pihak yang telah membantu dan memberikan sokongan penuh kepada penulis, antara lain:

1. Ustaz Syed Abdurrahman Syed Husin, selaku penyelia yang dengan segala kesabaran, ketekunan dan kecermatannya, telah memberikan bimbingan yang sangat berharga sejak awal penulisan sampai penyelesaian kajian ini.
2. Prof. Madya Dr. Abdul Aziz Muhammad Zin, selaku Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur – Malaysia, yang memberi peluang kepada penulis untuk mengikuti pengajian ini.

3. Prof. Dr. Amir Luthfi, Rektor IAIN Sultan Syarif Qasim Pekanbaru, Riau, Indonesia beserta seluruh staf, yang memberikan izin dan kesempatan kepada penulis untuk mengikuti program ini dengan sepenuh masa.
4. Ayahanda Ali Rubain dan Ibunda Akamsiah, yang dengan didikan, bimbingan, asuhan dan do'anya penulis dapat menikmati pendidikan sampai ke program siswazah ini.
5. Ucapan terima kasih dan penghargaan yang amat istimewa disampaikan kepada isteri tercinta Murni Prawira, berserta anak-anak tersayang Ulfah Mashfufah dan Hannan Ashrawi, yang dengan penuh kesabaran, kerelaan, dan do'a serta telah banyak mengorbankan hak-haknya demi kelancaran kajian ini.

Akhirnya, kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan, baik moril maupun material, yang tidak dapat disebutkan satu persatu, penulis sampaikan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan. Dengan irungan do'a kepada Allah swt, semoga semua kebaikan yang telah diberikan kepada penulis, akan menjadi amal saleh dan mendapat reda serta balasan yang setimpal dari Allah swt, amin.

Kuala Lumpur, 1 March 2001


KATA PENGANTAR

Keseluruhan isi kajian ini, merupakan pembahasan teoriti dan laporan daripada hasil penyelidikan penulis mengenai Dakwah Islam Kepada Masyarakat Terasing di Riau: Kajian Kes Suku Talang Mamak.

Usaha dakwah Islam untuk mengajak umat manusia mengenali ajaran Islam, merupakan kewajipan yang terpikul di atas bahu setiap muslim, tidak kira lelaki ataupun perempuan. Pelbagai usaha dakwah Islam yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak kepada masyarakat terasing suku Talang Mamak yang menjadi sasaran kajian ini, sedikit sebanyak telah memberi manfaat kepada masyarakat terasing ini, dalam konteks untuk memberi kefahaman tentang ajaran Islam yang sebenar.

Penulis tidak menafikan, bahawa terdapat banyak kesilapan dan kekurangan dalam kajian ini, yang berpunca daripada kelemahan penulis sendiri. Namun tetap diharapkan, kiranya kajian ini dapat memberikan sumbangan pemikiran kepada mana-mana pihak yang terbabit dalam kerja-kerja dakwah kepada masyarakat terasing suku Talang mamak.

Sekian dan terima kasih



Jamaluddin Ali Rubain

SENARAI KEPENDEKATAN

'Abd	: 'Abdul
AS	: 'Alaihissalam
BA	: Bachelor of Art
Drs	: Dokterandus
Dr	: Doktor Falsafah
H	: Hijriyah
Hlm	: Halaman
Hj	: Haji
Ibid	: Ibidem (pada tempat yang sama)
IKMI	: Ikatan Kesatuan Mubaligh Indonesia
Juz	: Juzu'
LDNU	: Lembaga Dakwah Nahdatul Ulama
LDK	: Lembaga Dakwah Khusus
MDI	: Majelis Dakwah Islamiyah
Op.Cit	: Opere Citato (dalam karya itu)
Prof	: Profesor
SLTA	: Sekolah Lanjutan Tingkat Atas
SLTP	: Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama
SD	: Sekolah Dasar
saw	: Sallallahu 'Alaihi Wasallam
swt	: Subhanahu Wa Ta'ala
Terj	: Terjemahan
tt	: Tanpa tarikh atau tahun
tc	: Tanpa cetakan

JADUAL TRANSLITERASI

HURUF 'ARAB	HURUF RUMI	HURUF 'ARAB	HURUF RUMI
ا	= -	ط	= th
ب	= b	ذ	= zh
ت	= t	غ	= -
ث	= th	خ	= gh
ج	= j	ف	= f
ح	= h	ق	= q
خ	= kh	ك	= k
د	= d	ل	= l
ض	= dz	م	= m
ر	= r	ن	= n
ز	= z	و	= w
س	= s	ه	= h
ش	= sy	ء	= -
ص	= s	ي	= y
ظ	= d	ة	= t

DAFTAR ISI

KANDUNGAN	HALAMAN
HALAMAN TAJUK	i
PENGESAHAN PENYELIA	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	vii
KATA PENGANTAR	ix
SENARAI KEPENDEKAN	x
TRANSLITERASI	xi
DAFTAR ISI	xii
BAB I PENDAHULUAN	1
1.1. Latar Belakang Masalah	1
1.2. Pengertian Tajuk	8
1.3. Perumusan Masalah	11
1.4. Tujuan dan Manfaat Kajian	11
1.5. Metod Kajian	12
1.6. Sistematika Penulisan	17
BAB II TINJAUAN UMUM TENTANG DAKWAH	19
2.1. Dakwah	19
2.1.1. Pengertian dakwah	19
2.1.2. Tuntutan melaksanakan dakwah	27
2.1.3. Tujuan dakwah	30
2.1.4. Keberhasilan dakwah	35
2.2. Unsur-Unsur Dakwah	37
2.2.1. Materi dakwah	37
2.2.2. Pendakwah	56
2.2.3. Sasaran dakwah	59
2.2.4. Kos dakwah	62

2.3. Metod Dakwah	64
2.3.1. Metod ceramah	68
2.3.2. Metod tanya jawab	71
2.3.3. Metod debat	75
2.3.4. Metod demonstrasi	76
2.4. Media Dakwah	80
2.4.1. Media visual	81
2.4.2. Media auditif	85
2.4.3. Media audio visual	91
2.4.4. Media cetak	96
BAB III MENGENAL MASYARAKAT TERASING	
SUKU TALANG MAMAK	102
3.1. Asal Usul	102
3.2. Pendidikan	114
3.3. Mata Pencarian	130
3.4. Adat dan Tradisi	172
3.5. Agama dan Kepercayaan	197
3.6. Kehidupan Sosial	212
BAB IV DAKWAH ISLAM KEPADA MASYARAKAT TERASING SUKU TALANG MAMAK	
4.1. Pelaksanaan Dakwah Islam	224
4.2. Pengaruh Dakwah Islam	257
4.3. Faktor-Faktor Yang Boleh Mempercepat dan Melambatkan Pelaksanaan Dakwah Islam	279
BAB V KESIMPULAN DAN SARANAN	
5.1. Kesimpulan	312
5.2. Saranan	315
BIBLIOGRAFI	i
LAMPIRAN	xi